

18/03/2000

Persatuan minta ahli patuhi Bafia

KUALA LUMPUR, Jumaat - Persatuan Bank-Bank di Malaysia (ABM) memandang berat tindakan membocorkan maklumat pelanggan oleh kakitangan bank kerana ia jelas melanggar Akta Bank dan Institusi Kewangan (Bafia) 1989.

Dalam kenyataannya petang ini, ABM menegaskan, seksyen 97 Peruntukan Rahsia dalam Bafia, jelas menyatakan pegawai institusi kewangan berlesen sama sekali tidak boleh mendedah atau menyiarkan kepada sesiapa saja, sebarang maklumat atau apa saja dokumen berkaitan dengan hal ehwal atau akaun pelanggan.

Dalam hal ini, katanya, ABM menasihatkan semua ahlinya supaya terus mematuhi sepenuhnya semua peruntukan dalam Bafia pada setiap masa.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ada segelintir kakitangan di bank tertentu yang mendedahkan urusan niaga individu dan agensi kerajaan melalui Internet untuk memburukkan kerajaan.

Hari ini, Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, menamakan Bumiputra Commerce Bank Berhad (BCB) dan Bank Islam Berhad cawangan negeri itu, sebagai dua bank yang pekerjaannya menjadi penyokong kuat pembangkang.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan negeri dan agensinya, Perbadanan Ayer Melaka (PAM), akan mula mengeluarkan wang dari simpanan tetapnya berjumlah RM45 juta dalam kedua-dua bank itu, mulai April ini.

Sementara itu, Jurucakap Mimos Berhad ketika dihubungi berkata, pihaknya berupaya mengesan setiap pemberi maklumat yang menggunakan perkhidmatan Jaring.

Bagaimanapun, katanya, Mimos tidak akan mengeluarkan maklumat berkenaan kepada orang ramai. "Ia hanya boleh diperolehi sekiranya ada mendapatkan waran daripada polis untuk menjalankan siasatan," katanya.

Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-Pekerja Bank Kebangsaan (Nube), G Gopala Krishnan, pula berkata perbuatan pekerja yang mendedahkan urusan niaga pemegang akaun kepada pihak lain bertentangan dengan Bafia.

"Kesalahan itu amat serius dan boleh dikenakan tindakan disiplin," katanya.

Gopala bagaimanapun meminta kerajaan Melaka supaya menimbang semula keputusan untuk mengeluarkan simpanan tetap negeri itu yang berjumlah RM10 juta apabila tempoh matangnya cukup.

"Adalah kurang adil jika bank dihukum disebabkan kesalahan yang dilakukan oleh sebilangan kecil pekerjaannya.

Sementara itu, jurucakap Bank Islam (Malaysia) Berhad berkata, pendedahan mengenai akaun milik peribadi atau satu-satu badan berkanun sepatutnya tidak boleh dibuat oleh mana-mana pekerja bank terutama mereka yang terlibat secara langsung dalam urusan niaga yang dilakukan oleh pemegang akaun itu sendiri.

"Tindakan tatatertib termasuk pembuangan boleh dilakukan," katanya.

(END)